

28/02/1998

MB nasihat kekalkan kestabilan parti

DUNGUN, Jumaat - Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengulangi nasihatnya supaya semua Umno bahagian di negeri ini mengelak pertandingan bagi jawatan penting di bahagian bagi mengekalkan kestabilan parti.

Menurutnya, langkah itu sebagai langkah menghormati saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dielakkan pertandingan dan menyelesaikan masalah secara rundingan.

Menurutnya, walaupun perlembagaan mempunyai peruntukan menghalang mereka bertanding, perkara itu wajar dipatuhi untuk mengelak berlakunya perpecahan di kalangan ahli yang menyokong individu tertentu.

Beliau berkata, ahli Umno perlu memandang serius untuk menangani isu lain, termasuk kegawatan ekonomi dan gejala sosial, selain membincangkan soal pertandingan merebut jawatan penting di peringkat bahagian.

"Kita tidak ada di kalangan ahli Umno yang menentang arus, termasuk membantah nasihat Perdana Menteri yang boleh melemahkan parti," katanya selepas merasmikan persidangan berkelompok Umno cawangan dalam Dun Paka, malam tadi.

Wan Mokhtar berkata, tidak ada guna ahli Umno berebut sesama sendiri untuk menjadi ketua bahagian sedangkan gagal memenangi kawasan tertentu dalam pilihan raya umum nanti.

"Bagi pertandingan merebut jawatan tertentu yang tidak dapat dielakkan adalah dinasihatkan berkempen secara sihat dan tidak memburukkan lawan masing-masing.

"Jika kita membongkar keburukan lawan, parti pembangkang akan menggunakan kesempatan itu dan dijadikan bahan ceramah ketika kempen pilihan raya nanti," katanya.

Mengenai cadangan kerajaan membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat milik Bumiputera, Wan Mokhtar berkata, langkah itu bertujuan membantu syarikat yang menghadapi masalah.

Menurut beliau, adalah lebih baik syarikat milik Bumiputera yang bermasalah diselamatkan daripada membiarkannya bankrap.

"Itu adalah langkah sementara kerajaan memulihkan syarikat milik Bumiputera dengan membenarkan saham dimiliki bukan Bumiputera tidak melebihi 30 peratus," katanya.

Katanya, ada juga syarikat milik Bumiputera yang ingin mengadakan usaha sama dengan syarikat asing, tetapi lebih baik membenarkan saham syarikat mereka dimiliki bukan Bumiputera.

(END)